

01 APR 1998

SEMINAR DAN PAMERAN UNIMAS VIRTUAL REALITY '98

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) akan menganjurkan seminar dan pameran Virtual Reality (Virtual Reality '98) yang pertama di negara ini di sini dari 14 hingga 15 April.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucapan utama pada pelancaran seminar itu bertempat di Pusat Pameran Mine, kata naib chancelor Unimas Prof Datuk Zawawi Ismail berkata dalam kenyataan hari ini.

Zawawi, yang juga anggota Majlis Teknologi Maklumat Negara berkata seminar Virtual Reality merupakan sebahagian daripada agenda teknologi maklumat.

"Ia merupakan teknologi abad ke-21 bagi meningkatkan daya saing industri dan oleh kerana ia teknologi bersifat berkembang, maka industri dan masyarakat perlu dimaklumkan tentang potensi dan risikonya," kata beliau.

Seminar itu yang menghimpunkan ahli penyelidikan dari sektor awam dan swasta serta media akan membincangkan projek yang berpotensi dalam pendidikan, pembuatan, kejuruteraan dan perubatan berkaitan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Kira-kira 15 pakar tempatan dan antarabangsa dalam bidang berkenaan dan 200 peserta dijangka menghadiri seminar. -- BERNAMA

MT FAZ